

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DIMAJLIS
MERAIKAN PERSARAAN TUN ISMAIL
ALI, DI PERBENDAHARAAN, KOMPLEKS
JALAN DUTA, KUALA LUMPUR,
PADA HARI JUMAAT 27HB JUN, 1980,
JAM 7.30MALAM.

Yang Amat Berbahagia Tun Ismail Ali
dan Toh Puan,

Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah,
Menteri Kewangan Malaysia.

Yang Berhormat Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Majlis yang diadakan pada malam ini
ialah untuk meraikan Yang Amat Berbahagia
Tun Ismail Ali, Gabenor Bank Negara, yang
akan bersara bulan depan. Saya mengucapkan
berbanyak terima kasih kepada Perbendaharaan
Malaysia, khusus kepada Menteri Kewangan,

2.

Tengku Razaleigh Hamzah, kerana sudi menjemput saya berdua, dan seterusnya memberi penghormatan kepada saya, menyampaikan sepatah-dua kata terhadap tetamu kehormat kita di majlis yang mulia ini.

2. Secara kebetulan, Tun Ismail telah menerima dua penghormatan yang tinggi dan mulia iaitu dalam tahun ini, / menjelang persaraannya dari kemucak perkhidmatannya kepada negara. Pada 10hb. Mac, ia telah dikurniakan dengan Anugerah Tun Abdul Razak oleh Yayasan tersebut. Ini disusuli pula dengan kurniaan Darjah Seri Setia Mahkota, oleh Duli Yang Maha Mulia

3.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong,
pada Hari Keputeraan Baginda.

Bagi pihak para hadirin sekalian,
saya mengucapkan tahniah kepada Tun Ismail.

3. Tun Ismail merupakan anak watan yang pertama dilantik menjadi Gabenor Bank Negara Malaysia, pada 26hb. Julai, 1962. Sebelum itu, ia telah berkhidmat sebagai Timbalan Gabenor yang pertama selama 21 bulan. Pengalamannya yang luas, keupayaan dan kebijaksanaannya, telah membolehkannya mengendalikan urusan dan

...4/-

menguasai pentadbiran institusi kewangan ini, dengan cekap dan sempurna. Pada hemat saya, Kerajaan, khususnya pucuk pimpinan pada masa itu, telah membuat pemilihan yang bijak dan tepat apabila melantik Tun Ismail ke jawatan yang penting ini.

4. Tun Ismail telah berkhidmat dengan Bank Negara selama kira-kira 20 tahun. Khabarnya, dalam beberapa tahun pertama perkhidmatannya, ia telah menumpukan sepenuh tenaganya dalam membina, dan seterusnya mengukuhkan asas-asas infrastruktur kewangan negara, terutamanya bagi membolehkan rakyat jelata di kawasan-kawasan

5.

luar bandar seperti petani, peladang, nelayan dan pekebun-pekebun kecil, menggunakan kemudahan bank tempatan dalam meningkatkan taraf economic. serta membaiki lagi keadaan hidup mereka. Tun Ismail merupakan salah seorang tokoh utama yang bertanggungjawab, dalam mewujudkan satu struktur kewangan negara yang tahan menghadapi persaingan, mampu memenuhi keperluan dan keutamaan pembangunan negara, di samping ketegohan dan ketahanannya, menghadapi cabaran dan dugaan-dugaan sistem kewangan antarabangsa, yang sentiasa berubah dan bergelora.

6.

5. Kejayaannya yang cemerlang ini sentiasa mendapat pujian dan penghargaan, bukan sahaja dari kalangan pemimpin-pemimpin negara, bahkan dari kalangan tokoh-tokoh kewangan antarabangsa. Cendikiawan Eropah, yang kagum dengan kebolehan dan ketokohnya, telah menggelarnya sebagai 'suatu legend sezaman'. Sesungguhnya, Tun Ismail adalah seorang tokoh negara yang ulong dan terkemuka dalam bidang kewangan. Kepakaran, pengetahuannya yang mendalam, serta pandangannya yang jauh dalam bidang ekonomi dan kewangan memberi dunia, telah/ sumbangan besar kepada negara

... 7/-

kearah kekukuhan dan kesetabilan ekonomi tanahair

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Izinkan saya melahirkan sedikit sebanyak pendapat saya,terhadap peribadi tetamu khas kita pada malam ini.

7. Tun Ismail mula berkhidmat dengan Bank Negara semasa institusi itu masih dalam usia muda-remaja. Hasil semangat dedikasinya, ketegasannya,dan kepimpinannya yang bijak dan adil, Bank Negara telah membesar dengan menunaikan peranan pentingnya,dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Seluruh jiwa-raganya,

8.

tenaga dan fikirannya, sentiasa dicurah dan disumbangkan kepada kemajuan dan perkembangan Bank Negara dan sistem kewangan negara. Sesungguhnya, Tun Ismail dan Bank Negara telah menjadi sedarah sedaging yang tidak boleh dipisahkan. Justeru itu, memang sudah menjadi buah mulut orang, bahawa Tun Ismail itu adalah Bank Negara dan Bank Negara itu ialah Tun Ismail.

8. Kejujuran tokoh yang terbilang ini memang tidak pernah disangsikan, sementara pendirian dan pandangannya jarang-jarang dipertikaikan. Bentuk badannya yang kecil dan renceng, tetapi

... 9/-

9.

segak dan kacak, tidak menjadikannya khayal dan tenggelam dalam dunia kewangan yang berpengaruh. Ketokohan dan kebijaksanaannya. tidak pula menjadikannya angkoh dan hanyut dalam arus yang penuh dengan pujian dan sanjungan. Pada hemat saya, ketegasan, kejujuran, watak dan keperibadian Tun Ismail digambarkan dan terlambang, dalam tandatangannya yang terang, bersih dan mudah dibaca yang terpapar dengan gagahnya di tengah-tengah wang kertas kita. Kesemuanya ini membuktikan ketegohan nilai ringgit kita.

... 10/-

10.

9. Tun Ismail mempunyai suara perlahan dan lembut, tetapi ia sentiasa jelas difaham, dan tidak direngan-rengankan; sekalipun sifatnya tegas dan serious, ia tetap berbudi bahasa; dan kesediaannya mendengar pandangan orang lain, menjadikannya sentiasa dihormati, disegani, dan kadang-kala ditakuti. Saya pernah mendengar seorang kawan berjenaka di belakang Tun Ismail: "Even the ringgit is scared of him, that's why it never falls."

10. Secara kebetulan, Tun Ismail bersara ketika Bank Negara Malaysia telah masuk usia

...11/-

11.

kedewasaan dan oleh kerana darah dan jiwa Tun Ismail telah meresap dengan mesranya, dalam pentadbiran Bank Negara selama 20 tahun, maka bayang-bayang, dan semangatnya, akan tetap kekal di institusi tersebut buat beberapa ketika. Demikian juga dengan keyakinan dan kepercayaan orang-ramai, terutamanya sektor bank dan kewangan, terhadap Bank Negara Malaysia dan ringgit kita, sebagaimana yang telah dibina, dipupuk dan dipelihara oleh Tun Ismail selama ini, ia akan tetap kekal dan subur.

...12/

12.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

11. "Ular menyusur akar,tidak akan hilang bisanya." Pergaulan Tun Ismail dengan semua peringkat kakitangan,telah mewujudkan semangat dan berdisiplin, kekeluargaan yang mesra,dalam perkhidmatan Bank Negara. Tun Ismail telah membimbing seluruh pegawai dan kakitangan Bank Negara mengikut langkahnya, mengamalkan ketegasan, dan seberapa boleh sentiasa menunjukkan ketokohan mereka masing-masing. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa keyakinan yang telah dipupuknya di bidang sektor swasta, terutamanya

... 13/-

13.

di kalangan bank-bank dan institusi-institusi kewangan, merupakan asas-asas yang kukuh yang telah dibinanya. Ini bermakna, bahawa sesiapa jua yang akan mengambil alih jawatan yang dipegangnya, akan sentiasa mendapat sokongan dan keyakinan, serta kerjasama dari semua pihak. Saya penuh yakin, semangat kegigihan Tun Ismail akan tetap kekal diamalkan, oleh Bank Negara Malaysia dalam menempoh zaman yang akan datang.

12. Saya harap, pemimpin-pemimpin muda, terutama pegawai-pegawai perkhidmatan awam, akan mempelajari dari contoh-auladan yang

... 14/-

14.

terpuji, yang telah ditunjukkan oleh tokoh negara yang terkemuka ini. Marilah kita mendoakannya. selamat bersara, dan selamat menghadapi penghidupan baru. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala, sentiasa mengurniakan Tun Ismail dan Toh Puan, kesihatan dan kekuatan, taufiq dan hidayahNYA.

Terima kasih.



No Siri	491
No Penerimaan	104/81